

PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD ("PLUS Berhad")

No. Pendaftaran : 201101026564 (954700-A)

KENYATAAN TAWARAN TENDER TERBUKA

CADANGAN LANTIKAN PERUNDING PENILAIAN IMPAK SOSIAL UNTUK CADANGAN PROJEK PENYURAIAN TRAFIK DI ANTARA PLAZA TOL JURU DAN PLAZA TOL SUNGAI DUA, PULAU PINANG DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS) DAN KAWASAN SEKITAR ("PTJSD")

[TENDER REF. NO.: PLUS/SP/2026/01/004]

TAJUK TENDER	KELAYAKAN	GRED, KATEGORI & PENGKHUSUSAN	SKOP KERJA	TAKLIMAT TENDER	PENJUALAN DOKUMEN TENDER	BAYARAN DOKUMEN	SERAHAN & TARIKH TUTUP TENDER
CADANGAN LANTIKAN PERUNDING PENILAIAN IMPAK SOSIAL UNTUK CADANGAN PROJEK PENYURAIAN TRAFIK DI ANTARA PLAZA TOL JURU DAN PLAZA TOL SUNGAI DUA, PULAU PINANG DI LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS) DAN KAWASAN SEKITAR ("PTJSD")	Memiliki perakuan yang masih sah seperti berikut: 1) Mempunyai Sijil Pendaftaran Syarikat dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang masih sah semasa tender ditutup. 2) Mempunyai Sijil Pendaftaran Firma Perunding dari Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah semasa tender ditutup. 3) Mempunyai pengalaman sebagai Perunding Penilaian Impak Sosial dalam tempoh tujuh (7) tahun yang lalu bagi sekurang-kurangnya satu (1) kontrak.	Perunding hendaklah berdaftar di bawah kategori dan pengkhususan seperti berikut: Kategori Perkhidmatan Perunding Fizikal Pengkhususan 330206 – (Perancang)	1) Memberi perkhidmatan SIA profesional selaras dengan undang-undang, peraturan serta garis panduan, metodologi dan prosedur PLANMalaysia yang berkuat kuasa dengan tahap kemahiran, ketelitian dan ketekunan sewajarnya. 2) Menyediakan dan melaksanakan strategi libat urus pihak berkepentingan termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut: berhubung dan menyelaras dengan Majikan, pihak berkuasa tempatan dan agensi berkaitan; menghadiri mesyuarat; serta mengurus semakan sebelum penyerahan dan kelulusan laporan. 3) Melaksanakan SIA melalui tiga peringkat utama: persediaan, kajian (pengumpulan data dan libat urus pihak berkepentingan), dan rumusan dengan syor. 4) Menilai impak sosial, ekonomi dan komuniti projek termasuk pengurusan semasa pembinaan, akses dan kelestarian, pertimbangan sosio-budaya serta risiko pembangunan. 5) Mencadangkan langkah mitigasi yang bersesuaian, plan tindakan dan strategi libat urus komuniti, serta mengemukakan laporan SIA akhir untuk kelulusan pihak berkuasa.	Tarikh: 23 Januari 2026 (Jumaat) Masa Pendaftaran: 2.30 petang – 3.30 petang Sesi Taklimat: 3.45 petang Tempat: OBR Sungai Buloh Training Room, Ground Floor, Annex 1, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Koordinat: 3.1040190121, 101.5889570364 KEHADIRAN SECARA FIZIKAL PADA SESI TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN.	Tempoh Jualan: 23 Januari 2026 (Jumaat) sehingga 6 Februari 2026 (Jumaat) 9.00 pagi hingga 4.00 petang (Isnin – Jumaat kecuali Cuti Am) Tempat: Kauenter Jualan Tender, Tingkat Mezzanine, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Penjualan Dokumen Tender juga dilakukan secara atas talian melalui e-mel JSDProcurement@plus.com.my	Harga satu (1) set Dokumen Tender RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja) (Tidak akan dikembalikan) Dokumen Tender akan dihantar melalui e-mel JSDProcurement@plus.com.my selepas pengesahan pembayaran dilakukan. Pembayaran secara dalam talian sahaja kepada: PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD CIMB Bank Berhad No. Akaun: 8000 4667 16 Rujukan Pembayaran: PTJSD SIA Butiran Pembayaran: Nama Syarikat	SERAHAN DOKUMEN TENDER SALINAN CETAK SECARA FIZIKAL SAHAJA Tempat: PETI TENDER (TENDER BOX), Aras Bawah, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan. Tarikh dan Masa Tutup Tender: 13 Februari 2026 (Jumaat) Pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari Petender hendaklah mengemukakan Jaminan Tender berjumlah RM5,000.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ribu Sahaja) melalui draf bank yang dikeluarkan oleh bank berlesen yang beroperasi di Malaysia atas nama "PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD" bersama-sama dengan penyerahan Dokumen Tender.

Nota:

- Kauenter pendaftaran taklimat tender akan dibuka pada jam 2.30 petang – 3.30 petang pada 23 Januari 2026. Semua perunding yang hadir ke taklimat tender **WAJIB** membawa **sijil-sijil ASAL** berserta **SALINAN YANG DIAKUI SAH** iaitu:
 - Sijil Pendaftaran Syarikat** dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);
 - Sijil Pendaftaran Firma Perunding** dari Kementerian Kewangan Malaysia;
 - Bukti Kelayakan Pengalaman** seperti yang dinyatakan di item (3) di atas.
- Petender disarankan membawa **cop syarikat lengkap beralamat** semasa pendaftaran.
- Petender yang berminat **DIWAJIBKAN** menghadiri sesi taklimat tender secara fizikal seperti yang dijadualkan di atas. Petender yang **GAGAL** menghadiri sesi taklimat tender secara fizikal adalah **TIDAK LAYAK** menyertai tender.
- Dokumen meja tender disediakan untuk semakan dan dokumen tender boleh dibeli di **Kauenter Penjualan Tender, Menara Korporat, Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan** pada waktu pejabat (**9.00 pagi – 4.00 petang**) bermula pada **23 Januari 2026** hingga **6 Februari 2026**.
- Harga Dokumen Tender adalah sebanyak **RM500.00 (Ringgit Malaysia: Lima Ratus Sahaja)** dan **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN**. Bayaran hendaklah dibuat secara **DALAM TALIAN/ "online transfer"** SAHAJA dengan rujukan **"PTJSD SIA"** berserta butiran nama syarikat yang layak membeli tender di atas nama **PROJEK LEBUHRAYA USAHASAMA BERHAD, No. Akaun: 8000 4667 16**. Sila sertakan bukti pembayaran pembelian ketika pembelian Dokumen Tender. Pembelian dokumen secara tunai adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Wakil petender yang ditauliahkan untuk tujuan membeli Dokumen Tender hendaklah mengemukakan **Surat Perwakilan Kuasa** sama ada dengan menyerahkan secara fizikal atau melalui penghantaran e-mel kepada JSDProcurement@plus.com.my.
- Semua petender diingatkan bahawa semua salinan dokumen mestilah disahkan sebagai **Salinan Asal** oleh pihak yang diberi kuasa, iaitu **Setiausaha Syarikat** atau **Pesuruhjaya Sumpah**.
- Dokumen Tender **TIDAK** akan dijual selepas tamat tempoh pembelian Dokumen Tender sepertimana yang telah disebutkan di atas. Dokumen Tender bercetak yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** pada tarikh, masa dan tempat yang dijadualkan di atas.
- Petender dibenarkan menyerahkan **HANYA SATU (1)** tender sahaja. Mana-mana petender yang didapati telah menghantar lebih daripada satu (1) tender akan dibatalkan **KESELURUHAN penyertaan secara automatik**.
- Penyerahan tender mesti dihantar mengikut arahan keperluan penyerahan tender. **Tender yang dihantar selepas Tarikh dan Masa Tutup tender yang ditetapkan TIDAK AKAN DITERIMA**. PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, kehilangan, kelewatan, kerosakan atau isu lain berkaitan dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.
- PLUS Berhad **TIDAK terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran** atau memberi apa-apa sebab atau alasan sesuatu tawaran itu ditolak. Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau tender berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya adalah menjadi tanggungan petender sepenuhnya. Pihak PLUS Berhad tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak petender.
- Sebarang pertanyaan berkenaan tender ini hendaklah dibuat secara bertulis melalui e-mel JSDProcurement@plus.com.my.